

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Nota Penting: Produk ini ditaja jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad, sebuah syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Sila rujuk kontrak polisi untuk definisi istilah yang huruf besar.

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat utama mengenai insurans berkaitan pelaburan anda. Pelanggan lain telah membaca Risalah Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda juga digalakkan untuk membaca Risalah Pendedahan Produk ini.**

1 Apakah Hong Leong SMART Legacy Insurance?

Hong Leong SMART Legacy Insurance menawarkan gabungan perlindungan insurans dan pelaburan. Sekiranya Hayat Diinsuranskan meninggal dunia semasa tempoh polisi, kami akan membayar Faedah Kematian.

2 Ketahui Perlindungan/Faedah Anda

Sebagai ilustrasi, dengan premium tahunan sebanyak **RM40,000.00** yang dibayar pada **tahun pertama**, anda akan menerima **perlindungan/ faedah** insurans hayat berikut. Jumlah yang dinyatakan di atas termasuk sebarang Tambahan Berkala. Perlindungan yang dinyatakan dalam jadual di bawah adalah untuk Hayat Diinsuranskan, kecuali dinyatakan sebaliknya. Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut mengenai premium.

Faedah Kematian	<ul style="list-style-type: none"> Kami melindungi sehingga umur 80 tahun. Lanjutan Automatik Polisi terpakai. Sekiranya berlaku kematian, kami akan membayar jumlah yang lebih tinggi antara Jumlah Asas Diinsuranskan semasa atau Nilai Akaun. Sebarang pengeluaran separa akan mengurangkan Jumlah Asas Diinsuranskan. Jumlah Asas Diinsuranskan awal ialah RM2,000,000.00. <p>Pilihan Penyelesaian Bayaran Faedah Kematian: Pemunya Polisi boleh memilih untuk menerima Faedah Kematian sama ada secara bayaran sekaligus atau dalam bentuk ansuran tahunan mengikut tempoh yang dipilih. Pilihan ini boleh dibuat pada permulaan polisi atau selepas polisi dikeluarkan, dan boleh dikemaskini pada bila-bila masa sepanjang tempoh polisi. Sekiranya tiada pilihan dibuat, Faedah Kematian akan dibayar secara sekaligus mengikut tetapan lalai.</p>						
Bonus Kesetiaan	Kami akan mengkreditkan Bonus Kesetiaan ke dalam polisi pada akhir Tahun Polisi di mana Hayat Diinsuranskan mencapai umur 60, 62, 64, 66, 68, 70, 72, 74 dengan syarat polisi masih berkuatkuasa dan premium dibayar terkini.						
Faedah Kematangan	Pada akhir tempoh perlindungan awal (sekiranya Pemunya Polisi telah memilih untuk tidak melanjutkan polisi sehingga umur 100 tahun) atau pada akhir tempoh lanjutan, yang mana berkenaan, kami akan membayar jumlah berikut pada tempoh matang polisi: <table border="1" style="width: 100%; margin-top: 10px;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #fff9c4;">Umur semasa kematangan polisi (hari jadi lepas)</th> <th style="background-color: #fff9c4;">Faedah Kematangan yang akan dibayar</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="background-color: #fff9c4;">Kurang daripada 100 tahun</td> <td style="background-color: #fff9c4;">Nilai Akaun</td> </tr> <tr> <td style="background-color: #fff9c4;">100 tahun</td> <td style="background-color: #fff9c4;">Jumlah yang lebih tinggi antara Jumlah Asas Diinsuranskan semasa atau Nilai Akaun</td> </tr> </tbody> </table> <p>Sebarang pengeluaran separa akan mengurangkan Jumlah Asas Diinsuranskan.</p>	Umur semasa kematangan polisi (hari jadi lepas)	Faedah Kematangan yang akan dibayar	Kurang daripada 100 tahun	Nilai Akaun	100 tahun	Jumlah yang lebih tinggi antara Jumlah Asas Diinsuranskan semasa atau Nilai Akaun
Umur semasa kematangan polisi (hari jadi lepas)	Faedah Kematangan yang akan dibayar						
Kurang daripada 100 tahun	Nilai Akaun						
100 tahun	Jumlah yang lebih tinggi antara Jumlah Asas Diinsuranskan semasa atau Nilai Akaun						
Keistimewaan Lain	Lanjutan Automatik Polisi - Pada akhir tempoh perlindungan awal, kami akan melanjutkan polisi ini secara automatik berulang setiap 5 tahun sehingga umur 100 tahun tanpa pengunderaitan. Kami akan memaklumkan anda sekurang-kurangnya 90 hari sebelum permulaan tempoh lanjutan, bersama anggaran premium bagi tempoh lanjutan. Sekiranya anda tidak mahu melanjutkan polisi ini, anda dikehendaki memaklumkan kami sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tamat tempoh perlindungan awal.						

Sila rujuk Ilustrasi Produk, Risalah Maklumat Produk, dan kontrak polisi untuk maklumat lanjut.

Insurans berkaitan pelaburan anda **mengecualikan**:

- Bunuh diri - sekiranya kematian disebabkan oleh bunuh diri dalam tempoh **12** bulan dari Tarikh Pengeluaran, Tarikh Berkuatkuasa Pemindaan, atau Tarikh Pengembalian Semula, mana-mana yang terkemudian.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Anda mesti merujuk kepada Risalah Maklumat Produk atau kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans berkaitan pelaburan anda, anda boleh:

			
Hubungi kami di 03-7650 1288	Layari kami di: https://www.hla.com.my/ms/home.html	E-mel kami di: customerservice@hla.hongleong.com.my	Imbas kod QR untuk Risalah Maklumat Produk

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans berkaitan pelaburan ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	Premium tahunan sebanyak RM40,000.00 akan dibayar pada tahun pertama . Jumlah ini termasuk sebarang Tambahan Berkala. Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut mengenai premium yang perlu dibayar untuk setiap tahun.
Tempoh: 5 tahun	
Syarikat insurans memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana pelaburan pilihan anda.	
Premium yang diperuntukkan	83.50% daripada premium tahun pertama (termasuk sebarang Tambahan Berkala) atau RM33,400.00 .

Risalah Pendedahan Produk ini mengandungi 2 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Risalah Pendedahan Produk. Bakal pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.



untuk membeli unit	Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut.
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Yuran Polisi Bulanan	RM8.00
Jumlah Komisen	5.00% daripada jumlah premium atau RM10,000.00 . Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut.
Caj lain yang berkenaan	Caj Insurans, Yuran Pengurusan Dana, Yuran Pengeluaran Separa, Yuran Penyerahan, Cukai Perkhidmatan (jika berkenaan). Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut.

Jadual A: Anggaran premium yang diperlukan untuk tempoh perlindungan yang berbeza yang mempunyai dan tidak mempunyai ciri lanjutan automatik

Tempoh Perlindungan	Anda telah memilih tempoh perlindungan awal sehingga umur 80 tahun	Untuk meningkatkan kesinambungan polisi anda sehingga umur 100 tahun	
		Tempoh perlindungan awal sehingga umur 80 tahun dengan lanjutan automatik sehingga umur 100 tahun	Sekiranya anda memilih tempoh perlindungan awal sehingga umur 100 tahun
Premium Tahunan yang perlu dibayar berdasarkan umur Hayat Diinsuranskan pada awal tahun polisi	RM40,000.00 perlu dibayar dari umur 30 tahun sehingga umur 34 tahun	RM40,000.00 perlu dibayar dari umur 30 tahun sehingga umur 34 tahun RM0.00 dicadangkan dari umur 80 tahun sehingga umur 99 tahun	RM40,000.00 dicadangkan dari umur 30 tahun sehingga umur 34 tahun

Nota:

- Premium yang diilustrasikan dalam Jadual A di atas adalah berdasarkan unjuran semasa, perlindungan yang dipilih dan tempoh pembayaran premium. Kami mengiranya berdasarkan anggaran hasil masa depan dan anggaran premium sebenar mungkin lebih tinggi atau lebih rendah bergantung pada kesinambungan polisi. Kesinambungan sebenar polisi bergantung pada pulangan pelaburan sebenar dan sebarang perubahan dalam faedah polisi dan caj. Kami menasihati anda untuk merujuk kepada penyata kesinambungan tahunan untuk mengetahui tentang anggaran premium yang dikemaskini berdasarkan andaian terkini. Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut.
- Polisi berkaitan pelaburan anda mungkin luput/ditamatkan sekiranya unit dalam dana anda tidak mencukupi untuk membayar caj. Unit anda mungkin tidak mencukupi sepanjang tahun disebabkan oleh caj insurans yang tinggi (sekiranya anda membeli banyak rider, dan terutamanya jika caj tersebut meningkat dari semasa ke semasa apabila anda semakin tua), pulangan pelaburan yang rendah, atau pengeluaran separa.
- Sekiranya Pemunya Polisi menyerahkan polisi, ciri lanjutan automatik akan tidak terpakai.

4 Terma Utama Lain

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur anda yang betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan.
- Nilai tunai bagi produk ini bergantung pada prestasi dana pilihan anda.
- Pembayaran premium selepas tempoh penangguhan dan pengeluaran separa mungkin menyebabkan polisi luput dan boleh menjejaskan pembayaran faedah pada masa hadapan.
- Anda harus memastikan bahawa polisi ini akan memenuhi keperluan anda dan bahawa premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini adalah jumlah yang mampu anda bayar.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Anda harus merujuk kepada Risalah Maklumat Produk atau kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- Tempoh bertenang:** Anda boleh membatalkan polisi anda dalam tempoh 15 hari selepas polisi anda diserahkan kepada anda. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang perbelanjaan perubahan yang dikenakan dan tertakluk kepada perubahan harga unit dana IL) akan dikembalikan kepada anda.
- Selepas tempoh bertenang:** Anda boleh membatalkan polisi anda dan kami akan membayar Nilai Tunai yang Tidak Terjamin.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Pelindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Hong Leong Assurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

NOTA PENTING:

INI MERUPAKAN SUATU PRODUK INSURANS YANG TERIKAT PADA PENCAPAIAN PELABURAN, DAN IA BUKAN SUATU PRODUK INSURANS PELABURAN TULEN SEPERTI AMANAH SAHAM. ANDA HARUS MENILAI PILIHAN-PILIHAN ANDA DENGAN BERHATI-HATI DAN MEMASTIKAN PELAN BERKAITAN PELABURAN DIPILIH MENEPATI SELERA RISIKO ANDA, DAN YANG ANDA MAMPU MEMBAYAR SEPANJANG TEMPOH POLISI. UNTUK MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN AGAR MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN SEBAGAI 'TAMBAHAN'. PEMULANGAN BAGI DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK TERJAMIN.

Panduan perkhidmatan untuk insurans hayat

Hong Leong Bank menawarkan pelbagai product insurans Hong Leong Assurance melalui cawangannya di seluruh negara. Jika anda berniat untuk membeli produk insurans hayat daripada Wakil/ Eksekutif Bank kami, anda boleh menikmati perkhidmatan nilai tambah berikut:

Sebelum anda membeli polisi	Apabila anda membuat keputusan untuk membeli polisi	Semasa tempoh polisi
<p>Membantu anda memilih pelan insurans yang sesuai</p> <ul style="list-style-type: none"> Meneliti kandungan Borang Pencarian Fakta Pelanggan bersama anda untuk lebih memahami keperluan insurans dan matlamat kewangan anda. Mencadangkan pelan insurans yang sesuai selepas menilai keperluan anda. <p>Menerangkan ciri-ciri produk</p> <ul style="list-style-type: none"> Menerangkan ciri-ciri produk, manfaat yang dibayar, pengecualian, premium, dan yuran/caj. Menyediakan Risalah Pendedahan Produk untuk membantu anda membuat keputusan yang tepat dan untuk memudahkan perbandingan produk. 	<p>Membantu anda dengan permohonan polisi</p> <ul style="list-style-type: none"> Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam borang cadangan dengan lengkap dan tepat. Serahkan permohonan anda untuk proses pengunderaitan selepas anda menandatangani borang cadangan. Mengatur untuk pemeriksaan kesihatan dengan salah satu klinik panel kami, jika diperlukan. Memberi maklumat tentang membuat pencalonan untuk memastikan wang polisi diterima oleh waris anda sekiranya berlaku kematian. <p>Menerangkan terma dan syarat polisi</p> <ul style="list-style-type: none"> Menerangkan terma dan syarat polisi bersama anda untuk memastikan bahawa pelan insurans yang anda beli adalah sesuai. Anda boleh membatalkan polisi insurans hayat anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh dokumen tersebut dihantar kepada anda. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang yuran perubahan yang dikenakan dan berdasarkan nilai semasa harga unit dana Berkaitan Pelaburan) akan dipulangkan kepada anda. Dokumen polisi anda akan dihantar kepada anda (melalui serahan tangan, pos, atau secara elektronik) dalam tempoh 7 hari dari tarikh pengeluaran polisi. 	<p>Perkhidmatan polisi yang berterusan</p> <ul style="list-style-type: none"> Membantu dalam mengemukakan permintaan perkhidmatan anda kepada Hong Leong Assurance Berhad, seperti pengubahsuaian polisi, pertukaran alamat, dan kekerapan pembayaran premium. <p>Membantu anda membuat tuntutan</p> <ul style="list-style-type: none"> Membantu dalam menyerahkan borang tuntutan dan dokumen anda kepada Hong Leong Assurance Berhad.

Maklumat Perhubungan

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi Talian Pusat Khidmat Pelanggan Hong Leong Bank Berhad di 1-800-38-8888 atau Hong Leong Assurance Berhad di 03-7650 1288.

Portal pelanggan untuk polisi hayat anda

Sila layari Portal Pelanggan Hong Leong Assurance Berhad di <https://hla360.hla.com.my/CMS/HLA360/login/1.aspx> untuk mengakses maklumat polisi anda secara dalam talian.